PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 24 (1) Jun 2020 (001-018)

Ayat Selapis Dalam Dialek Perlis Menggunakan Kerangka Minimalis

Maulana Al-Fin Bin Che Man & Fazal Mohammed Mohammed Sultan
maulanaalfin91_ukm@yahoo.com & fazal@ukm.edu.my

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tarikh terima : 25 Mac 2020
Received
Terima untuk diterbitkan : 27 Mei 2020
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 15 Jun 2020
Published online

Abstrak

Artikel ini memberikan tumpuan kepada sejenis ayat dalam dialek Perlis iaitu ayat selapis. Kajian ayat selapis dalam dialek Perlis yang menggunakan kerangka Minimalis ini dijalankan di Mukim Utan Aji, Perlis. Kawasan kajian ini dipilih adalah kerana kawasan ini terletak di kawasan tengah negeri Perlis dan tidak dipengaruhi oleh dialek-dialek lain. Objektif kajian ini adalah bagi mengenal pasti pola yang wujud dalam dialek negeri Perlis, membezakan ayat selapis dialek negeri Perlis dengan bahasa Melayu Baku, dan menganalisis konstituen subjek dan predikat menggunakan kerangka Minimalis. Bagi mencapai objektif tersebut pengkaji telah memilih kajian lapangan dengan menemu bual sepuluh orang responden bagi memperolehi data dan menggunakan kaedah perpustakaan bagi mendapatkan gambaran awal mengenai kajian serta menjelaskan konsep. Hasil kajian ini mendapati bahawa penutur dialek ini amat meminimumkan penggunaan subjek yang terdiri daripada unsur frasa nama sehingga menyebabkan wujudnya fenomena bahasa berpredikat serta terdapat lima pola yang dikenal pasti wujud dalam dialek ini iaitu FK + FN, FKB + FK, FK + FS dan FK + FA. Pola yang kerap hadir dalam dialek ini ialah FK + FN dan FKB + FK. Di samping itu, urutan kata kerja-objek (KO) merupakan struktur bahasa yang mendasari dialek ini.

Kata Kunci: Ayat selapis, dialek Perlis, Minimalis, subjek, bahasa Melayu

The Simple Sentence Spoken In The Perlis Dialect Using Minimalist Frames

Abstract

This article focuses on the simple sentence spoken in the Perlis dialect. This simple sentence study in the Perlis dialect using the Minimalist framework was conducted in Mukim Utan Aji, Perlis. The area of this study was chosen because it is located in the middle part of Perlis and is not influenced by other dialects. The objective of this study is to identify the patterns that are available in the Perlis dialect, to distinguish the simple sentence of Perlis dialect with the standard Malay language, and to analyze the subject constituents and predicates using the Minimalist framework. In order to achieve these objectives, the researchers have chosen field research by interviewing ten respondents to obtain data and using a library method to get an initial picture of the study and explain the concept. The result of this study found that the dialect speaker tremendously minimizes the use of the subject, which consists of the noun phrase that causes the existence of a verbal language phenomenon. T and there are five patterns identified in this dialect, i.e. VP + NP, AuxP + VP, VP + PrepF and VP + AdjF. The patterns that are frequently

present in this dialect are VP + NP and AuxP + VP. Besides, the word-order sequence (VO) is the basic structure of this language.

Keywords: *simple sentence, Perlis dialect, Minimalist, subject, Malay language*

---

1. Pengenalan

Bahasa terdiri daripada dialek-dialek. Penutur dialek pula saling memahami antara satu sama lain. Berdasarkan ciri-ciri linguistik sama ada daripada segi fonologi, morfologi, dan sintaksis ternyata dialek-dialek dalam sesuatu bahasa itu mempunyai banyak persamaan dan juga perbezaan antara satu sama lain. Persamaan yang wujud itu menggambarkan dialek-dialek tersebut mengekalkan ciri-ciri warisan yang diwarisi bersama manakala perbezaan itu pula menunjukkan dialek-dialek itu telah mengalami perkembangan secara tersendiri dan terpisah daripada dialek-dialek yang lain. Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan khazanah dialeknya. Salah satunya adalah dialek negeri Perlis. Dialek negeri Perlis berasal daripada dialek Kedah. Menurut Asmah (1993), dialek Kedah adalah bahasa Melayu yang mempunyai ciri-ciri tersendiri yang dituturkan dari Perlis sampai ke Perak Utara.

Menurut Fazal Mohamed, Junaini, Zaharani & Nor Hashimah, (2010) dan Sakinah & Fazal Mohamed (2016) bagi rakyat negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, dan Perak Utara pada umumnya bahasa pertuturan harian hampir sama dan boleh difahami antara satu dengan lain. Jika terdapat perbezaan, mungkin pada perkataan-perkataan tertentu sahaja. Namun kajian Fazal Mohamed & Noriati (2017) membahaskan bahawa dialek Perlis mempunyai urutan ayat yang unik untuk diselidiki.

1.2. Ayat Selapis

Menurut Kartini, Rogayah & Fazal Mohamed (2016), ayat tunggal ialah ayat yang hanya mempunyai satu klausa sahaja. Subjek ayat tunggal boleh terdiri daripada satu perkataan atau beberapa perkataan. Namun, ayat tunggal tidak selalu wujud dalam bentuk pendek tetapi juga hadir dalam bentuk yang panjang asalkan ayat itu tidak melebihi daripada satu subjek dan satu predikat. Subjek dalam ayat tunggal mesti terdiri daripada nama orang, benda, atau perkara dan dikenali sebagai kata nama. Oleh itu, subjek mesti terdiri daripada frasa nama walaupun ia hanya hadir dengan satu kata manakala predikat pula boleh terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa sifat, atau frasa sendi. Contoh ayat selapis:



Menurut Za'ba (1965), beliau telah membahagikan pola ayat selapis kepada satu pola yang dinamai:

Benda + Cerita

Jenis perkataan yang boleh dikategorikan dalam benda ialah kata nama, perkataan yang berkuasa nama, kata nama dan sifat yang dipakai jadi namaan manakala unsur yang terdapat dalam cerita pula ialah kata nama, kata ganti nama, kata perbuatan, kata sifat serta rangkaian perkataan atau ayat lain. Oleh itu, secara mudahnya ayat selapis terdiri daripada benda dan cerita.

Seterusnya, binaan ayat paling asas disebut ayat tunggal iaitu ayat yang terdiri daripada satu subjek dan satu predikat sahaja. Oleh itu, ayat tunggal juga disebut ayat selapis Ong (2009) dan Fazal Mohamed,

Zaharani, Nor Hashimah & Harishon (2010). Menurut Nik Safiah, Farid, Hashim & Abdul Hamid (2009), ayat tunggal ialah ayat yang mengandungi satu klausa sahaja, iaitu yang mengandungi satu konstituen subjek dan satu konstituen predikat. Contohnya:



Dalam kajian ini pengkaji melihat tentang perbezaan struktur ayat selapis dalam dialek Negeri Perlis dan struktur ayat dalam bahasa Melayu Baku. Hal ini demikian kerana, dialek Negeri Perlis ini mempunyai satu keunikan daripada bahasa Melayu Baku apabila dituturkan (Fazal Mohamed, Nor Hashimah, Harishon, Junaini & Muhammad Faiz Aizuddin, 2019). Seperti yang diketahui umum, walaupun dialek Perlis dirangkumkan dalam dialek utara yang hampir sama leksikalnya dengan negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara, namun dialek negeri Perlis masih kurang diberi perhatian tentang pengkajian dalam bidang pengkajian bahasa tidak kira dalam aspek fonologi, morfologi, mahupun sintaksis.

1.3 Lokasi Kajian

Negeri Perlis Indera Kayangan atau Perlis Darul Sunnah merupakan negeri yang terkecil di Malaysia. Negeri ini terletak di utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan Provinsi Satun dan Songkhla, Thailand di sebelah utara, dan Kedah di sebelah selatan. Menurut perangkaan Malaysia, pada tahun 2010, jumlah penduduknya dianggarkan seramai 198,335 orang. Pembahagian etnik pula iaitu Melayu sebanyak (166,200 orang), Cina sebanyak (24,000 orang), India sebanyak (3,700 orang), dan lain-lain sebanyak (5,400 orang), serta bumiputera lain (600 orang). Selain itu, terdapat 26 buah mukim dan 16 buah pekan.

Kawasan kajian yang dipilih untuk mendapatkan data ialah sekitar mukim Utan Aji, Perlis. Kawasan ini terletak di kawasan luar bandar. Mukim Utan Aji merupakan salah satu daripada 26 mukim yang terdapat dalam peta negeri Perlis di atas. Dalam rajah di bawah terdapat 6 buah kampung iaitu Kampung Sentua, Kampung Binjal, Kampung Surau, Kampung Sentang, Kampung Ujong Batu, Kampung Gunong Medan, dan Kampung Sri Medan. Kawasan ini juga terdapat 4 000 orang penduduk dan 1 400 buah rumah. Penduduk di kawasan ini rata-ratanya bekerja sebagai petani dan bekerja sendiri. Hal ini dapat membantu pengkaji untuk memperolehi data yang lebih asli kerana kebanyakan penduduk di kawasan ini tidak berhijrah keluar dan secara tidak langsung pencampuran dialek tidak berlaku.



Rajah 1: Peta Mukim Utan Aji, Perlis

2. Permasalahan Kajian

Pengumpulan masalah-masalah seperti cara untuk memulakan kajian, perkara dan aspek yang ingin dikaji, cara untuk memilih topik yang ingin dikaji dan pemilihan jenis pendekatan yang ingin digunakan dalam kajian adalah termasuk dalam bahagian ini. Pengkaji sendiri telah mengumpul seberapa banyak maklumat untuk mengenal pasti masalah-masalah yang wujud sebelum memulakan sesuatu pengkajian. Secara jelas, bidang kajian pengkaji ini telah pun dijadikan bahan kajian oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Namun, disebabkan terdapat beberapa kelompangan dalam kajian-kajian yang lepas yang pengkaji sendiri telah selidiki, pengkaji akhirnya telah memilih tajuk *Kajian Ayat Selapis Dalam Dialek Perlis Menggunakan Kerangka Minimalis* untuk dijadikan kajian. Pengkajian mengenai ayat selapis sememangnya telah lama dilakukan oleh beberapa orang pengkaji bahasa yang berminat mengenainya. Ayat selapis atau ayat tunggal dan juga dikenali sebagai ayat mudah didefinisikan sebagai ayat yang mempunyai hanya satu klausa sahaja yang memiliki satu unit rangkaian perkataan yang mengandungi satu subjek dan satu predikat.

Antara pengkaji-pengkaji lepas yang telah menyentuh tentang ayat selapis ini ialah Darwis (1989) dalam bukunya *Struktur Ayat Selapis Dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Transformasi Generatif (TG)*, Asmah (1993) dalam bukunya *Nahu Melayu Mutakhir,* Farah (2013), dalam kajian yang bertajuk '*Analisis Struktur Ayat Selapis Dalam Cerpen Di Sisi Renda Menggunakan Pendekatan Nahu Sistematik'*, Yusmaniza (2011) dalam kajiannya yang bertajuk *'Analisis Strutur Ayat Selapis Dialek Kuala Kangsar menggunakan kerangka MInimalis',* Nurain (2012) dalam kajiannya yang bertajuk *Analisis Struktur Sintaksis Ayat Selapis Dialek Kedah Menggunakan Kerangka Minimalis*, Pengkaji-pengkaji lepas yang mengkaji tentang ayat selapis bagi pelbagai dailek yang lain. Perbezaan ini telah meninggalkan kelompongan kepada pengkaji untuk melakukan kajian terhadap ayat selapis dialek Negeri Perlis ini. Secara khususnya pemilihan data oleh pengkaji telah membezakan kajian ini dengan kajian-kajian yang lepas iaitu data yang digunakan ialah ayat selapis dialek negeri perlis.

3. Metodologi Kajian

Kajian ke atas ayat selapis dialek Perlis menggunakan metodologi kualitatif. Kawasan kajian yang dipilih adalah sekitar mukim Utan Aji, Perlis. Kawasan ini dipilih kerana majoriti penduduk di kampung ini berbangsa Melayu dan beragama Islam serta merupakan penduduk tetap. Kajian ini dijalankan ke atas 30


orang responden yang terdiri daripada 15 orang lelaki dan 15 orang wanita di 6 buah kampung iaitu Kampung Sentua, Kampung Binjal, Kampung Surau, Kampung Sentang, Kampung Ujong Batu, Kampung Gunong Medan, dan Kampung Sri Medan. Pemilihan responden ini mengikut klasifikasi pendekatan pemerolehan responden oleh Chambers dan Trudgill (1999) iaitu NORMs, sebuah akronim bagi *Non-mobile, Old, Rural,* dan *Males* namun telah diubahsuai mengikut keperluan dan kesesuaian kajian. Responden-responden yang dipilih berumur dalam lingkungan 60 tahun hingga 80 tahun dan adalah penduduk asal kawasan kajian.

Kajian lapangan yang dilakukan menggunakan kaedah pengumpulan data melalui temu bual dan rakaman. Setiap perbualan tersebut akan dirakam dan rakaman akan dimainkan semula untuk mengeluarkan ayat selapis yang mempunyai frasa kerja transitif, tak transitif dan dwitransitif. Setiap rakaman tersebut juga akan ditranskripsikan bagi proses analisis data kajian secara sintaksis.

3.1 Kerangka Teori Minimalis

Kerangka Minimalis telah diperkenalkan oleh Chomsky pada tahun 1995 (Chomsky, N: 1995). Program ini mengandaikan bahawa maklumat sesuatu perkataan dicirikan dalam bentuk fitur nahu dan fitur ini perlu disemak dengan cara yang betul. Anggapan utama ialah struktur ayat terbentuk melalui operasi gabungan yang berterusan, dan akhirnya ditentukan melalui dua struktur representasi untuk suatu ayat, iaitu representasi yang menentukan bentuk fonetiknya dan representasi yang menentukan bentuk logiknya (aspek linguistik untuk makna sesuatu ayat) maka sesuatu ayat itu perlu mencapai representasi Bentuk Fonologi (BF) dan representasi Bentuk Logik (BL).

Derivasi pembentukan sesuatu ayat, iaitu operasi yang melibatkan atur cara pembentukannya melibatkan satu set operasi linguistik (komputasi) yang menghasilkan struktur sintaksis, bersama set operasi BF yang mengubah struktur sintaksis kepada representasi BF dan satu set operasi BL yang mengubah struktur sintaksis kepada representasi BL. Kesemua perbincangan di atas dapat disimpulkan dalam Rajah 2 di bawah:



Rajah 2: Kerangka Program Minimalis (Chomsky, 1995)

Leksikon diandaikan terdiri daripada senarai semua perkataan dalam suatu bahasa seperti mana terkandung dalam kamus. Lazimnya senarai perkataan seperti ini disebut ‘butir leksikal’. Butir leksikal ini pula diandaikan terdiri daripada senarai butir leksikal yang tidak tertib susunannya dalam leksikon penutur natif. Maklumat kategori bagi setiap butir leksikal pula akan diandaikan wujud dalam bentuk fitur. Begitu juga maklumat lain berkaitan dengan pembentukan ayat. Ayat terdiri daripada beberapa butir leksikal. Butir-butir leksikal ini akan disatukan dalam satu keadaan yang dikenali sebagai Numerasi.

Pada aras numerasi ini setiap butir berkenaan akan digabungkan dengan butir yang lain mengikut kehendak fitur tertentu. Kata kerja sebagai elemen utama dalam ayat akan memiliki perkataan yang boleh bergabung dengannya secara pemilihan dan penyemakan fitur. Pemilihan butir leksikal ini juga penting untuk memenuhi peranan teta di bawah kata kerja. Seterusnya, semua penggabungan amat mementingkan penyemakan fitur yang tak berinterpretasi. Semua fitur yang tak berinterpretasi wajib disemak sebelum Cetusan. Hanya fitur yang berintepretasi layak wujud sehingga Bentuk Logik. Ini kerana Bentuk Logik hanya memahami fitur yang berinterpretasi. Sekiranya fitur tak berinterpretasi tidak disemak sebelum Cetusan maka ayat ini dikatakan telah Gagal pada aras Bentuk Logik dan ditandakan sebagai tidak gramatis.

4. Analisis Data

Sejumlah data yang dibincangkan merupakan hasil perbualan terhadap kajian yang telah dijalankan ke atas responden melalui temu bual di kawasan Mukim Utan Aji, Perlis. Analisis secara diskriptif akan menghuraikan struktur sintaksis ayat selapis dialek Perlis. Pengkaji akan mengenal pasti jenis ayat selapis yang wujud daripada hasil temu bual yang telah dilakukan bagi mencapai objektif yang pertama. Kemudian, untuk mencapai objektif yang kedua, pengkaji akan menyusun dan menjadualkan ayat selapis supaya dapat melihat perbandingan antara ayat selapis yang digunakan dalam dialek Perlis dengan ayat selapis dalam Bahasa Melayu Baku. Seterusnya, dalam ayat selapis terdapat dua komponen utama yang mendasari iaitu subjek dan predikat dan analisis struktur konstituen subjek dan predikat akan dilakukan dengan menggunakan kerangka Minimalis bagi mencapai objektif yang ketiga.

4.1. Pola Binaan Dalam Ayat Selapis Bahasa Melayu

Sebelum meneliti pemerolehan data-data ayat selapis dalam dialek Perlis, pengkaji akan menjelaskan rumusan tentang ayat selapis dan pola ayat selapis mengikut bahasa Melayu Baku terlebih dahulu. Dalam bahasa Melayu, beberapa orang pengkaji bahasa telah bersepakat untuk membuat pembahagian ayat selapis kepada kategori-kategori yang tertentu.

Ayat tunggal atau ayat selapis ialah unit tatabahasa yang tertinggi dibandingkan dengan unit-unit tatabahasa yang lain. Ia terbentuk daripada unit-unit yang lain lebih rendah iaitu klausa, frasa dan kata. Menurut Abdul Hamid (1994), dalam *Sintaksis Dialek Kelantan*, ayat tunggal ialah ayat yang mengandungi satu subjek dan satu predikat yang terbentuk mengikut struktur-struktur yang berikut;

i) FN (subjek) + FK (predikat)

ii) FN (subjek) + FN + (Adv) (predikat)

Menurut Ong (2009), dalam *Kuasai Struktur Ayat Bahasa Melayu*, ayat tunggal juga dinamai sebagai ayat mudah atau ayat selapis (istilah linguistik lama). Berbeza dari jenis ayat inti dari segi fakta bahawa ayat ini boleh disongsangkan tetapi ayat inti tidak boleh disongsangkan. Oleh yang demikian, struktur tatabahasa yang dibenarkan ialah subjek + predikat atau predikat + subjek (ayat songsang).

Menurut Nik Safiah Karim et al. dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2009), ayat tunggal ialah ayat yang mengandungi satu subjek dan satu predikat yang terbentuk mengikut struktur-struktur yang berikut;

Pola 1 FN + FN (Subjek Frasa Nama + Predikat Frasa Nama)

Pola 2 FN + FK (Subjek Frasa Nama + Predikat Frasa Kerja)

Pola 3 FN + FA (Subjek Frasa Nama + Predikat Frasa Adjektif)

Pola 4 FN + FSN (Subjek Frasa Nama + Predikat Frasa Sendi Nama)

Dalam Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2009), juga terdapat penerangan tentang urutan kata dalam bahasa Melayu iaitu urutan *kata subjek + kata kerja + objek* (SKO) manakala (SVO) dalam bahasa Inggeris. Bagi bahasa Latin dan Turki ialah *kata kerja + objek + subjek*. (KSO). Contoh ayat:

i) Bahasa Melayu (SKO)

Ali membaca buku
(subjek + kata kerja + objek)

ii) Bahasa Inggeris (SKO)

John kicked the ball.
(subjek + kata kerja + objek)
John tendang bola
"John menendang bola."

iii) Bahasa Latin (SOK)

Magister pueros acti.
(subjek + objek + kata kerja)
Guru budak lelaki puji
"Guru memuji budak lelaki."

iv) Bahasa Turki (SOK)

Kamal bavulu acti
subjek + objek + kata kerja
Kamal beg baju buka
"Kamal membuka beg baju."

4.2. Pola Binaan Ayat Selapis Dialek Perlis


Seterusnya, dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti pola yang kerap hadir dalam pertuturan masyarakat di mukim Utan Aji, Perlis. Pola yang dimaksudkan ialah:

i) FK + FN
ii) FKB + FK
iii) FK + FS
iv) FK +FAjd.

Kekerapan pola yang hadir dapat dilihat daripada petikan ayat selapis yang telah disenaraikan hasil daripada temu bual yang telah dijalankan. Terdapat 37 pola ayat selapis yang telah dipetik untuk dijadikan bahan kajian. Jadual 1 di bawah merupakan bilangan ayat berdasarkan pola:

Jadual 1: Bilangan ayat berdasarkan pola

POLA	BILANGAN	PERATUSAN (%)
i) FK + FN	15	41%
ii) FKB + FK	11	30%
iii) FK + FS	9	24%
iv) FK + FAjd.	2	5%
Jumlah	37	100 %



Rajah 3: Peratusan Berdasarkan Pola

Berdasarkan carta pai yang ditunjukkan di atas, pola FK + FN mencatatkan jumlah yang paling tinggi. Ini menunjukkan bahawa pola tersebut kerap hadir dalam pertuturan dialek tersebut iaitu sebanyak 15 ayat atau 41% frasa kerja yang wujud. Kekerapan penggunaan pola ini adalah kerana setiap proses yang berlaku harus ditandai dengan kata kerja. Ini membuktikan bahawa kata kerja memainkan peranan penting dalam setiap bahasa.

Dalam kajian ini pengkaji ingin mengatakan bahawa kebanyakan pola yang wujud atau ditemui oleh pengkaji dalam penggunaan ayat selapis penutur dialek ini adalah pola yang dimulakan dengan frasa kerja bukannya frasa nama. Walau bagaimanapun, ayat selapis dialek ini masih memiliki subjek sebelum digugurkan oleh penuturnya. Tetapi subjek tersebut dikenali sebagai subjek nol yang merupakan subjek yang sudah difahami di antara penutur dialek ini. Jadi pada anggapan pengkaji, dialek ini memiliki pola yang berbeza dengan bahasa Melayu Baku iaitu dimulakan dengan FK (Frasa Kerja).

Dalam kajian ini pengkaji hanya menganalisis pola FK + FN sahaja kerana pola ini merupakan pola yang paling dominan digunakan oleh penutur dialek Perlis. Jadual 2 di bawah merupakan senarai FK + FN yang terdapat dalam ayat selapis yang dituturkan oleh penduduk mukim Utan Aji, Perlis.

Contoh Data Pola FK+FN

Jadual 2: Senarai Pola FK + FN Dalam Ayat Selapis

BIL.	POLA FK + FN
1.	Dialek Perlis : su^{w}o baju. Glos : beri baju. Terjemahan : pegawai memberi baju.
2.	Dialek Perlis : tabik dia. Glos : hormat dia. Terjemahan : kita menunjukkan hormat pada dia.
3.	Dialek Perlis : main Malaysia. Glos : wakil Malaysia. Terjemahan : adik Pak Syed mewakili Malaysia.
4.	Dialek Perlis : pawoh bendang. Glos : mengusahakan sawah. Terjemahan : saya mengusahakan sawah.
5.	Dialek Perlis : bubuh garam. Glos : masuk garam. Terjemahan : saya memasukkan garam.
6.	Dialek Perlis : sibaq muka hang. Glos : tampar muka kamu. Terjemahan : saya menampar muka kamu.
7.	Dialek Perlis : mukat ikan sepat. Glos : memukat ikan sepat. Terjemahan : Pak Tam memukat ikan sepat.
8.	Dialek Perlis : junjong ikan ataih pala. Glos : junjung ikan atas kepala. Terjemahan : Pak Tam junjung ikan di atas kepala.
9.	Dialek Perlis : keloi orang mai kenduri. Glos : panggil orang datang ke kenduri. Terjemahan : tuan rumah menjemput orang datang ke kenduri.
10.	Dialek Perlis : tendang bola ke langit. Glos : menendang bola sampai ke langit. Terjemahan : dia menendang bola sampai ke langit.
11.	Dialek Perlis : minum kopi dulu. Glos : minum kopi dahulu. Terjemahan : kita minum kopi dahulu.
12.	Dialek Perlis : pukoi gendang keling tak sangga. Glos : memukul gendang keling penuh semangat. Terjemahan : dia memukul gendang keling dengan penuh semangat.
13.	Dialek Perlis : simpan ikan dalam pasu. Glos : menyimpan ikan di dalam pasu. Terjemahan : Pak Tam menyimpan ikan di dalam pasu.
14.	Dialek Perlis : gali kuboq. Glos : menggali kubur. Terjemahan : Pak Chin menggali kubur.
15.	Dialek Perlis : menimba ayaq. Glos : membuang air. Terjemahan : saya membuang air di dalam kubur.

Dalam Dialek Perlis (DP), pengkaji dapat mengenal pasti bahawa lebih banyak penggunaan KK transitif digunakan dalam perbualan sehari-hari. Hal ini demikian kerana, pada pendapat pengkaji penggunaan KK dalam dialek ini apabila diterjemahkan dalam bahasa Melayu Baku akan mengandungi imbuhan awalan ***meN-*** dan diikuti oleh objek atau penyambut. Dalam bahasa Melayu, frasa kerja yang menggunakan KK yang mempunyai imbuhan awalan ***meN-*** dan diikuti dengan objek ini dikenali sebagai KK transitif. Walau bagaimanapun terdapat juga KK tak transitif yang menggunakan imbuhan awalan ***meN-*** tetapi ia tidak perlu diikuti dengan objek atau penyambut. Selain itu, penggunaan KK transitif ini juga dikesan melalui penggunaan subjek nol itu sendiri supaya ayat selapis yang dimulakan dengan FK ini dapat difahami dengan mudah oleh pendengar. Oleh itu, penutur akan menggunakan KK transitif supaya ayat selapis tidak disongsangkan.

4.3. Perbezaan Antara Struktur Ayat Selapis Dialek Perlis Dan Struktur Ayat Selapis Bahasa Melayu Baku.

Hasil daripada analisis di atas ayat selapis dialek Perlis dan ayat bahasa Melayu baku dapat digambarkan seperti di bawah. Perbezaan yang ketara ialah ketiadaan subjek dan diterima sebagai ayat oleh penutur dialek ini.

Jadual 3: Perbezaan Antara Struktur Ayat Selapis Dialek Perlis Dan Struktur Ayat Selapis Bahasa Melayu Baku.

Jenis / Beza	AYAT SELAPIS DIALEK PERLIS	AYAT SELAPIS BAHASA MELAYU BAKU
Pola	i) FK + FN ii) FKB + FK iii) FK + FS iv) FK +FAjd.	FN + FN FN + FK. FN + FAdjk. FN + FS
Subjek	Kebanyakan ayat selapis tiada subjek dan diisi dengan pro di bahagian subjek. Contoh: Dialek Perlis: *Pro* boh dalam bekaih.	Semua ayat selapis memiliki subjek. Contoh: Terjemahan: Saya masukkan ke dalam bekas.

Persamaan dan perbezaan dalam jadual 3 akan dibahaskan dan dibincangkan di bawah.

4.3.1. Analisis Subjek

Ayat merupakan sekelompok kata yang terdiri daripada subjek dan predikat dengan maknanya yang lengkap dan gramatis. Tanpa kedua-dua unsur subjek-predikat dan makna atau hilang salah satu daripadanya dalam sesebuah ayat dikatakan tidak lengkap (Fazal Mohamed & Khairul Faiz, 2016). Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, didapati subjek bagi dialek Perlis kurang digunakan dan dialek ini amat meminimumkan penggunaannya. Hal ini amat berbeza definisi yang dinyatakan di atas. Semasa temu bual dijalankan, pengkaji perlu bertanya semula bagi memastikan supaya subjek yang diberitahu oleh responden sama dengan perkara yang difahami oleh pengkaji. Hal ini demikian kerana, jika sesuatu

proses itu, melibatkan pelaku yang sama, responden hanya mengujarkannya sekali sahaja sepanjang perbualan.

Namun, pada hakikatnya sesuatu ayat itu dapat terbina dengan menghilangkan subjek (Ahmad Khair, 2011). Kewujudan fenomena dalam dialek ini sama seperti bahasa Mah Meri iaitu terdapat kata kerja yang membenarkan atau 'melesenkan' subjek nol. Bahasa seperti ini juga boleh dikenali sebagai bahasa predikat (*a predicate language*) iaitu ayat yang mempunyai subjek terlindung (*convert*) atau sudah difahamkan. Berikut merupakan contoh bahasa predikat:

Contoh 1:

i) Dialek Perlis : *pro* nak gelok.
Glos : *pro* hendak gelak.
Terjemahan : aku hendak ketawa.

ii) Dialek Perlis : *pro* gali kuboq.
Glos : *pro* menggali kubur.
Terjemahan : Pak Chin menggali kubur.

Berdasarkan contoh 1 di atas subjek tidak disebut oleh responden secara nyata semasa ayat tersebut diujarkan kerana telah disebut pada permulaan perbualan. Walau bagaimanapun, subjek tetap wujud. Bagi ayat (i) dan (ii), subjeknya ialah ***aku** (saya) dan **Pak Chin** (nama) yang diikuti oleh kata kerja bantu ***nak** (hendak) dan kata kerja **gali** (menggali).

4.3.2 Urutan Leksikal

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini, urutan kata bagi subjek ialah urutan leksikal yang berada di posisi predikat. Urutan ini bertindak sebagai predikat yang hadir selepas subjek. Berdasarkan ayat selapis yang wujud dalam DP terdapat subjek yang diikuti oleh urutan leksikal dan dalam bahasa Melayu urutan leksikal boleh terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi. Dalam kajian ini, urutan leksikal juga sama seperti dalam bahasa Melayu tetapi urutan FN tiada dijumpai. Urutan leksikal yang terdapat dalam data ini hanya urutan FK dan FKB. Hal ini demikian kerana *pro* diikuti dengan predikat KK. *Pro* merupakan salah satu aspek dalam prinsip kategori kosong (*empty category principle*) yang lebih dikenali sebagai ECP. *Pro* diandaikan sebagai subjek yang digugurkan dalam sesuatu ayat atau frasa (Fazal Mohamed & Nurulafiqah, 2013). Haegeman (1994) menyatakan bahawa sesuatu bahasa yang mempunyai kata ganti nama (KGN) di bahagian awal ayat tetapi tidak dinyatakan di panggil bahasa pengguguran *pro* (*pro-drop languages*) yang menggugurkan KGN sebagai subjek.

Contoh urutan leksikal:

Contoh 2:

i) Urutan leksikal FK
Dialek Perlis :*pro* mukat ikan sepat.
Glos : *pro* memukat ikan sepat.
Terjemahan : Pak Tam memukat ikan sepat.

Berdasarkan contoh 2, urutan leksikal bagi subjek ialah predikat yang terdiri daripada leksikal frasa kerja ***mukat*** (memukat) yang diikuti oleh frasa nama***ikan sepat*** (ikan sepat).

4.4. Analisis Binaan Kontituen Subjek Dan Urutan Kata Leksikal

Ayat selapis ialah ayat mudah yang memiliki unsur subjek-kerjaan-objek (SKO). Dalam bahasa Melayu, fenomena SKO ini adalah struktur yang paling kerap berlaku. Pendapat ini disokong oleh Nik Safiah et al. (1999).

4.4.1. Urutan Konstituen Dalam Dialek Perlis:


Frasa Kerja + Frasa Nama

Contoh: FK + FN

Dialek Perlis :*pro* su^{w}o baju.
Glos : *pro* beri baju.
Terjemahan : pegawai memberi baju.

a. Gabung (merge): su^{w}o, baju


b.



Berdasarkan kepada contoh 7, ayat tersebut terdiri daripada leksikal seperti (pro, su^{w}o, baju). Derivasi dibentuk dari struktur bawah dahulu sebelum beralih ke struktur yang seterusnya mengikut kepada perspektif Program Minimalis. Maka proses pembentukan struktur dimulakan dengan menggabungkan (*merge*) elemen *su^{w}o* dan baju seperti dalam contoh 7(b). Elemen *su^{w}o* adalah merupakan KK transitif. Maka KK s*u^{w}o* memerlukan argumen dalaman dan luaran bagi memenuhi peranan tetanya. Peranan untuk teta KK *su^{w}o* ialah agen sebagai argumen luaran dan tema sebagai argumen dalaman. Argumen dalaman bagi KK *su^{w}o* dipenuhi oleh elemen *baju.* Maka *baju* telah menduduki posisi komplemen seperti dalam 7(b) yang mendapat peranan teta sebagai penderita.

c. Memilih k dan bergabung dengan output (b)


d.



Selepas berlakunya proses gabung, berlaku pula proses semakan dan memberi nilai (*checking and volueing*) terhadap fitur pemilihan -k yang dapat dilakukan di bawah prinsip adik-beradik. Fitur pemilihan -k ialah fitur pemilihan kategori yang terdapat dalam leksikal yang akan menentukan kategori leksikal mana yang perlu hadir untuk menggabungkan dengan leksikal berkenaan. KK *su^{w}o* merupakan KK transitif yang mempunyai fitur berinterpretasi [K] dan mempunyai fitur tak berinterpretasi (pemilihan -k) [uN], KN *baju* pula mengandungi fitur tak berinterpretasi [N]. Fitur berinterpretasi [N] bersesuaian dengan fitur tak berinterpretasi [uN]. Oleh itu, mengikut prinsip penyemakan fitur, fitur tak berinterpretasi [uN] dapat disemak oleh fitur berinterpretasi N. Maka KK *su^{w}o* dan KN *baju* telah bergabung membentuk FK secara gramatis. Seterusnya k (k kecil) dipilih menjadi pasangan FK dan membentuk k' (k tanda). k kecil ini pula membentuk struktur cantuman apabila meletus kepada dua bahagian yang diisi oleh KK su^{w}o (yang digerakkan dari posisi FK dan membentuk bekas <*su^{w}o*> di posisi yang asal) dan [*u*lNFL:] seperti yang dipaparkan dalam 7(d). k kecil mempunyai fitur tak berinterpretasi [uN] fitur berkenaan diprojeksikan dari k ke k' untuk membolehkan fitur tak berinterpretasi berkenaan disemak.

e. Memilih pro dan bergabung dengan output (d)


f.



Derivasi 7(a) pula telah memilih SPEK *(pro)* sebagai pasangan k' kerana ayat ini tidak mempunyai subjek. *Pro* mewakili subjek yang diandaikan digugurkan dan berada di posisi SPEK Fk juga akan menduduki posisi SPEK Fkala kerana kasus nominal yang ada dan diperlukan untuk memenuhi pemilihan fitur N pada k kecil yang telah diunjurkan kepada k'. SPEK *pro* ini akan bergabung dengan k' dan membentuk Fk. SPEK *pro* yang mempunyai fitur berinterpretasi [N] ini bersesuaian dengan fitur tak berinterpretasi [uN] pada k' dan membolehkan fitur tak berinterpretasi berkenaan disemak.

g. Memilih kala kini dan bergabung dengan output (f)


h.



Pembinaan struktur seterusnya diteruskan dengan memilih kala sebagai pasangan Fk yang bergabung menghasilkan kala' seperti yang terdapat pada ayat 7(h). Kala kini dipilih menjadi pasangan Fk kerana dalam binaan Fk masih terdapat fitur tak berinterprestasi yang belum disemak iaitu [*u*INFL;]. Proses keserasian iaitu *agree* digunakan bagi menyemak fitur fungsian (*functional category*) kala kini. Proses keserasian ini merupakan proses yang menyemak fitur dengan memberi nilai. Sesuatu fitur akan memperolehi nilai daripada fitur berinterpretasi yang sepadan. Kala dalam derivasi berkenaan mempunyai fitur berinterpretasi [kini] daripada fitur EPP (*Extended Projection Principle*) [uN*]. Maka penyemakan fitur yang tidak berinterpretasi [uINFL:] melalui proses keserasian boleh dilakukan berikutan fitur yang berinterpretasi masih dibawah satu perintah-k dan sepadan. Maka, kala [kini] yang memerintah-k [*u*INFL:] akan menilainya dengan fitur [kini] bagi menghasilakn [uINFL:kini]. Setelah dinilai melalui proses keserasian, fitur tak berinterpretasi dapat disemak seperti dalam 7(h).

i. Menggerakkan pro dan bergabung dengan output (b)

j.



Proses seterusnya iaitu fitur EPP (uN*) yang tidak berintepretasi dalam kala diprojeksikan ke kala'. Fitur EPP (uN*) adalah fitur tak berinterpretasi yang kuat. Fungsi fitur ini adalah sebagai pemilihan-k bagi kala, tetapi tidak seperti fitur pemilihan kategori leksikal kerana tidak mempunyai hubungan dengan peranan tematik. Dalam erti kata lain, fitur EPP ini membolehkan SPEK *pro* dalam Fk bergerak bagi mengisi aspek Fkala dan menjadi subjek ayat. Pergerakan SPEK *pro* penting kerana SPEK *pro* perlu ditandakan dengan kasus. Oleh itu, dalam derivasi 7(j) menunjukkan berlaku pergerakan *pro* yang meningalkan bekas <pro> di posisi Fk bagi menjadi pasangan kepada kala'. Seterusnya SPEK *pro* dan kala' bergabung membentuk Fkala. Dalam proses ini berlaku penyemakan fitur di antara fitur tak berintepretasi [uN*] dan juga fitur berinterpretasi [N] di bawah sistem adik-beradik.

Derivasi 7(j) merupakan struktur bagi ayat *su^{w}o baju* berikutan semua fitur tak berinterpretasi dalam derivasi berkenaan dinilai dan disemak. Setelah disemak, barulah boleh dipadamkan bagi memenuhi kekangan IP (Interpretasi Penuh). Selepas cetusan, ayat '*pro su^{w}o baju'* dicetuskan sebagai ayat kala kini.

4.5. Ringkasan Dapatan

Berdasarkan penelitian yang telah dilakukan di kawasan yang telah dipilih di negeri Perlis ini, pengkaji dapat merumuskan beberapa perkara berkaitan dengan dialek ini dari dimensi kebahasaan. Antaranya adalah pengkaji dapat mencapai objektif pertama yang telah ditetapkan iaitu untuk mengenal pasti pola-pola yang wujud dalam ayat selapis dialek ini. Pola tersebut terdiri daripada FK + FN, FKB + FK, FK + FS, dan FK + FAdjektif. Ini menunjukkan bahasa pola ayat selapis DP terdapat perbezaan daripada pola ayat bahasa Melayu Baku dalam penggunaan masyarakatnya seharian. Seterusnya, berdasarkan temu bual yang telah dibuat pengkaji dapat merumuskan hanya terdapat dua pola yang sering digunakan oleh penutur dialek ini iaitu pola FK + FN dan pola FKB + FK. Jumlah peratusan pola ini dapat dilihat dalam

bahagian analisis data kajian ini. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa DP menggunakan kelima-lima pola tersebut tetapi hanya dua pola sahaja yang lebih penggunaannya.

Selain itu, pengkaji dapat melihat fenomena bahasa predikat yang wujud dalam dialek ini. Bahasa predikat yang dimaksudkan ini ialah bahasa yang membenarkan subjek nol. Jika diteliti semula maksud ayat selapis ialah ayat yang memerlukan dua unsur iaitu subjek dan predikat. Ini menjelaskan bahawa ayat yang betul ialah ayat yang mempunyai kedua-dua unsur tersebut tetapi sebaliknya wujud dalam bahasa predikat iaitu bahasa yang hanya mengaplikasikan unsur predikat sahaja. Namun, ayat ini masih dianggap betul kerana menurut Fazal Mohamed, Zaharani, Nor Hashimah & Harishon (2016), subjek yang tidak disebut dikenali sebagai subjek yang terlindung dan sudah difahami oleh penutur.

Pengkaji bersetuju dengan kenyataan yang dikemukan oleh Fazal Mohamed, Zaharani, Nor Hashimah & Harishon (2016) diatas. Pengkaji mendapati bahawa penutur dialek ini amat meminimumkan penggunaan subjek seperti penyebutan subjek tersebut hanya digunakan semasa permulaan temu bual sahaja tanpa mengulanginya jika ia masih membincangkan pelaku atau individu yang sama. Walaupun subjek tidak disebut secara nyata penggunaannya, responden masih lagi boleh memahami perbualan yang diujarkan terhadap subjek yang ingin diperkatakan. Namun, terdapat juga sesetengah ayat yang meragukan pengkaji iaitu siapa yang ingin dimaksudkan oleh responden tetapi masalah ini dapat diselesaikan apabila responden tersebut menyebut semula subjek tersebut walaupun tidak mengulangi secara keseluruhan ayat itu.

Seterusnya, kajian ini dapat memenuhi objektif kedua yang telah ditetapkan iaitu membezakan struktur ayat selapis dialek Perlis dengan strutktur ayat selapis bahasa Melayu Baku. Dalam memenuhi objektif yang kedua ini pengkaji telah menyenaraikan dua perbezaan yang dapat dikenal pasti dalam bentuk jadual. Perbezaan pertama yang dapat dilihat adalah perbezaan dari segi pola ayat selapis yang wujud dalam DP dan BMS tersebut. Dalam dialek Perlis terdapat lima pola yang dikenal pasti iaitu FK + FN, FKB + FK, FK + FS, dan FK + FAdj. manakala dalam BMS pula terdapat 4 pola asas iaitu FN + FN, FN + FK, FN + FS, dan FN + FAdj. Perbezaan kedua adalah dari segi struktur yang wujud iaitu dalam DP wujudnya struktur bahasa predikat yang membenarkan subjek nol. Pada bahagian subjek bagi ayat selapis dialek ini akan diisikan dengan SPEK *pro* yang menggantikan subjek yang telah diketahui manakala dalam BMS ayat selapis yang terbina perlu memiliki struktur ayat selapis yang gramatis yang terdapat subjek + predikat.

Objektif ketiga kajian ini turut dapat dipenuhi iaitu menganalisis struktur konstituen subjek dan predikat DP dengan menggunakan kerangka Minimalis. Dalam dialek ini, konstituen subjek kebanyakkan terdiri daripada subjek nol yang terpaksa digantikan dengan SPEK pro dalam analisis kerangka Minimalis. Di samping itu, urutan leksikal dalam DP ini terdiri daripada kata kerja, kata adjektif, kata sendi nama dan struktur yang terdapat dalam ayat selapis dialek ini ialah KO (kerjaan + objek). Kata kerja bantu juga digunakan bersama kata kerja bagi menerangkan sesuatu keadaan seperti *nak, dok, kena, dengan, dan tengah*. Di samping itu, pengkaji juga mendapati penggunaan KKB ini menjadi satu kebiasaan penutur di kawasan ini sebelum memulakan percakapan. Akhirnya, struktur ayat selapis ini diterjemahkan dan dihuraikan dengan mengaplikasi kerangka Minimalis.

5. Kesimpulan

Kajian ini merupakan satu kajian yang menggunakan kerangka Minimalis bagi melihat struktur sintaksis yang terdapat dalam ayat selapis DP. Kajian terdahulu yang dilakukan oleh pengkaji merupakan kajian yang meneliti data yang berbeza walaupun berkonsepkan pendekatan atau kerangka yang sama. Selain itu, kajian ini memperlihatkan perbezaan apabila wujudnya bahasa predikat dalam dialek tersebut dan perbezaan yang ketara antara kajian terhadap DP yan pernah dijalankan sebelum ini.

Selain itu, kajian ini juga mendapati terdapat persamaan yang wujud antara dialek ini dengan bahasa Melayu Baku dan terdapat juga perbezaan dengan bahasa Melayu Baku dari perspektif atau rumus ayat

selapis. Data daripada dialek ini juga menjadikan kajian ini menarik kerana dialek merupakan khazanah terpenting dalam sesuatu masyarakat serta menjadikan kajian dialek ini sebagai sesuatu yang bersifat ilmiah dan dijadikan rujukan pada masa depan.

Penghargaan
Kajian ini dibiayai oleh KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA, di bawah dana FRGS berkod FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/3.

Rujukan

Abdul Hamid Mahmood (1994). Tatabahasa Dinamika. Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, Malaysia.

Ahmad Khair Mohd Nor (2011). Persoalan Tatabahasa Melayu. Utusan Publication & Distributiors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, Malaysia.

Asmah Haji Omar (1993). Nahu Melayu Mutakhir. Edisi Keempat.: Dewan Bahasa dan Pustaka., Kuala Lumpur, Malaysia.

Chambers dan Trudgill (1999). Dialectology. UK: Cambridge Press.

Chomsky, N. (1995). Minimalist Program. MIT Press, Cambridge, UK.

Darwis Harahap (1989). Struktur Ayat Selapis Dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Transformasi Generatif. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Farah Elyani (2013). Analisis Struktur Ayat Selapis Dalam Cerpen Di Sisi Renda Menggunakan Pendekatan Nahu Sistematik. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Junaini Kasdan, Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2010). Struktur Kata Kerja Transitif + Lagi Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Linguistik*, 10: 36-47.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi (2016). Transitiviti dalam bahasa Mendriq. *Jurnal Akademika*, 86 (2): 87-98.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Junaini Kasdan & Muhammad Faiz Aizuddin Suhami. (2019). Dialek Melayu Perlis: Pemetaan Geodialek Beraplikasikan GIS. *Jurnal Akademika* 89(2): 139-154

Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Noriati Muhamad (2017). Kata soal dalam Dialek Perlis. *Jurnal Akademika*, 87(1): 177-187.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurulafiqah Suhaimi (2013). Sintaksis Kata Tanya 'Sapa' dalam Dialek Kedah. *GEMA: Online Journal Of Language Studies*, 13 (1): 43-59.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. (2010). Sifat klitik dan sifat morfem dalam bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*. 11(Dis):1-10

Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. (2016). Dialek sebagai satu alat pengajaran bahasa Melayu. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 2(2): 80-84.

Haegeman, L. (1994). Introduction to Government & Binding Theory. Blackwell Publishers, UK.

Kartini Wahab, & Rogayah Abdul Razak, Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2016). The verb phrase construction in Malay: A Minimalist Program approach. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 24(S) March: 23-34.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood (1999). Tatabahasa Dewan. Jilid 1. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood (2009). Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Nurain Abdul Hamid (2012). Analisis Struktur Sintaksis Ayat Selapis Dialek Kedah Menggunakan Kerangka Minimalis. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ong Ching Guan (2009). Kuasai Struktur Ayat Bahasa Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Sakinah Binti Nik Muhammad Naziman & Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2016). Bentuk dan kedudukan kata tanya dialek Perak Utara: Satu huraian deskriptif. *Jurnal Bahasa*, 16 (2): 253-274.

Yusmaniza Mohd Yusoff (2011). Analisis Strutur Ayat Selapis Dialek Kuala Kangsar. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Za'ba (1965). Pelita Bahasa Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Biodata:

Maulana Al-Fin bin Che Man adalah siswazah di ATMA, UKM. Beliau mengkaji pengangkutan air dalam maritim Melayu Nusantara sebagai fokus kajian PhDnya. Calon telah menelaah pantun Melayu sebagai data dan menghuraikannya melalui ilmu semantik dan pragmatik.